

Kelantan mesti lebih komited

BH 29/08/2018

ms. 84

Kuala Lumpur: Kelantan diminta lebih komited dan menyediakan peruntukan bagi membiayai atlet berbakat kelahiran negeri itu dalam bidang sukan.

Bekas Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSNK), Datuk Rosmadi Ismail menjelaskan Kelantan tidak boleh terlalu bergantung kepada Majlis Sukan Negara (MSN) dan negeri lain untuk menjaga kebajikan serta latihan atlet dari negeri itu.

Bahkan, kerajaan negeri juga mesti bersedia menyediakan kemudahan infrastruktur latihan dan tidak mengabaikan sukan yang dianggap bertentangan dengan prinsip syariah yang diamalkan selama ini.

Malah, beliau turut berharap kerajaan negeri tidak mengambil sikap 'acuh tidak acuh' dan perlu bersedia memikul tanggungjawab yang selama ini terpaksa digalas oleh MSN.

Pembabitian langsung

"Esok akan menyaksikan pembabitian secara langsung Kerajaan Negeri apabila Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Kelantan untuk Sukan Malaysia (SUKMA) Perak 2018 dijangka disempurnakan oleh kepimpinan negeri, selepas sekian lama sukan prestasi tinggi diuruskan MSN menerusi MSNK.

"Difahamkan Exco Belia dan Sukan Negeri Kelantan melahirkan hasrat supaya kerajaan negeri mengambilalih pengurusan MSNK, selari dengan peruntukan Akta MSN 1971 (Pindaan 1979)," kata Rosmadi dalam kenyataan, semalam.

Kelantan mensasarkan 17 pingat emas menerusi 25 jenis sukan yang dipertandingkan pada SUKMA Ke-19 di Perak yang akan berlangsung bulan depan.

Selain itu, Rosmadi menegaskan MSNK sebelum ini berjaya menguruskan sukan berprestasi tinggi untuk atlet negeri itu menyertai pelbagai kejohanan khususnya SUKMA yang diadakan setiap dua tahun sekali.

"Menerusi bantuan MSN dan sokongan penaja, MSNK menguruskan sukan prestasi tinggi dengan mewujudkan peluang latihan dan penyertaan atlet walaupun terpaksa menjalankan program dengan peruntukan kewangan yang terhad," katanya.

Oleh Zulfaizan Mansor



Difahamkan
Exco Belia dan
Sukan Negeri
Kelantan

melahirkan hasrat supaya
kerajaan negeri mengambilalih
pengurusan MSNK, selari